

12/03/2002

10 pemimpin Umno tidak boleh merayu lagi: Pak Lah

PUTRAJAYA, Isnin - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno Sabtu lalu untuk mengekalkan hukuman ke atas 10 pemimpin dan ahli parti yang dikenakan Lembaga Disiplin sebelum ini, adalah muktamad dan tiada lagi rayuan boleh dibuat.

Timbalan Presiden Umno berkata, senarai nama mereka akan diumumkan secara rasmi oleh ibu pejabat parti tidak lama lagi selepas semuanya menerima surat mengenai keputusan MT itu.

Beliau berkata, MT Umno berpuas hati dengan keputusan itu serta prosedur yang digunakan dalam menghakimi setiap kes setelah perbincangan panjang lebar dibuat.

"Perbincangan itu agak lama dan MT diberitahu bagaimana rayuan itu dipertimbangkan, kaedah digunakan dan berapa kali mesyuarat (Lembaga Disiplin), semuanya diberitahu dan dihalusi.

"MT memahami kaedah yang dipakai sebelum keputusan dibuat mengenai rayuan yang dikemukakan jawatankuasa panel. Semua puas hati dan dengan itu mudah bagi setiap kes yang dibentangkan itu dibuat keputusan," katanya selepas menerima kunjungan Timbalan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong di pejabatnya di sini hari ini.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada sidang akhbar selepas mesyuarat MT Sabtu lalu, tidak menamakan 10 ahli Umno yang dikekalkan hukuman itu. Sepuluh lagi diringankan hukuman dan tujuh dibatalkan selepas didapati tidak bersalah.

Abdullah berkata, Setiausaha Kerja Umno terus menghantar surat kepada semua mereka terbabit selepas mesyuarat MT itu berakhir dan mereka dijangka sudah menerima surat terbabit sekarang.

Mengenai tindakan untuk tidak mengumumkan senarai nama mereka terbabit, beliau menjelaskan bahawa adalah lebih baik ahli berkenaan diberitahu melalui surat terlebih dulu.

"Selepas mereka terima, lepas itu kita bolehlah (umumkan)... saya akan beritahu ibu pejabat Umno untuk mengumumkannya nanti. Apa yang penting, mereka terbabit sudah tahu akan keputusan itu," katanya.

Beliau yakin sesetengah daripada mereka itu sudah memaklumkan keputusan MT Umno kepada bahagian mereka masing-masing.

Mengenai kedudukan ahli MT yang juga bekas Ketua Umno Bahagian Bukit Bintang, Datuk Abdul Azim Mohd Zabidi yang dikatakan antara mereka dikekalkan hukuman, selaku pengerusi Bank Simpanan Nasional (BSN), Abdullah berkata ia tidak terjejas.

"Tak semestinya dia dilantik atas kedudukannya sebagai ahli politik (kuota Umno), kerana Datuk Azim seorang profesional yang berkelayakan dan berpengalaman dalam bidang perbankan.

"Jawatan (pengerusi BSN) itu dipegangnya bukan kerana dia ahli politik," katanya sambil menegaskan hanya mereka yang memegang jawatan dalam parti akan terjejas.

Mengenai tangkapan pelajar Malaysia di Yaman, beliau berkata, ini berikutan mereka terbabit belajar di madrasah yang tidak diiktiraf.

Abdullah menasihatkan ibu bapa supaya membuat rujukan kepada Kementerian Pendidikan sebelum menghantar anak belajar ke luar negara.

(END)